

05 DEC 1997

NGO-Ekonomi

NGO TUBUH JAWATANKUASA BANTU KERAJAAN TANGANI KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Sembilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hari ini menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi membantu kerajaan menangani krisis ekonomi yang melanda negara kini.

Jawatankuasa itu yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Bertindak NGO Mempertahankan Kedaulatan Ekonomi Negara (TINDAKAN) antara lain dianggotai oleh Majlis Belia Malaysia (MBM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Pertubuhan lain ialah Institut Penyelidikan Sosiologikal Malaysia (MSRI), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Persatuan Penyanyi, Pemuzik, Penulis Lagu Tanahair (PAPITA), Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM) dan Pusat Inisiatif Keamanan (CENPEACE).

Setiausaha Agung MBM, Saifuddin Abdullah dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini menyenaraikan 12 perkara TINDAKAN yang antara lain menyatakan sokongan terhadap saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya masyarakat antarabangsa mengadakan sistem pemantauan dan peraturan terhadap perdagangan mata wang antarabangsa dan pasaran kewangan.

TINDAKAN menyeru Menteri-menteri Kewangan ASEAN supaya bersatu dalam mempertahankan kepentingan ekonomi di rantau ini dan memastikan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan agensi-agensi lain mengenalpasti mekanisme yang bersesuaian untuk mengelakkan berlanjutan krisis dan spekulasi kewangan antarabangsa.

Mereka melahirkan sokongan terhadap usaha-usaha kerajaan mengatasi masalah itu dan menaruh harapan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) akan melaksanakan langkah-langkah segera dan bersesuaian untuk mempertahankan dan membangunkan ekonomi negara.

"Kami berharap kerajaan akan melantik wakil NGO dalam majlis itu," kata Saifuddin yang juga jurucakap TINDAKAN.

Jawatankuasa itu berharap kerajaan akan tetap tegas dalam rundingan-rundingan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dan tidak tunduk kepada tekanan negara-negara maju supaya membenarkan institusi kewangan asing masuk dengan bebas ke dalam sistem ekonomi negara.

Ini perlu kerana ia akan menggugat kedudukan institusi kewangan negara dan melemahkan kemampuan negara dalam mengawal situasi kewangan negara, kata Saifuddin.

Jawatankuasa itu menyokong tindakan kerajaan untuk mengurangkan import barangan dan mempromosikan barangan dan perkhidmatan keluaran Malaysia serta menyeru rakyat supaya membeli barangan tempatan demi membaikiimbangan dagangan.

Ia juga menyeru kerajaan agar mempertingkatkan pengeluaran makanan dengan menyediakan sumber dan insentif kepada petani kecil untuk mengurangkan pergantungan kepada import barangan makanan termasuk menyediakan tanah.

Menurut kenyataan TINDAKAN, krisis ekonomi negara dapat ditangani sekiranya semua pihak bersatu dan mempertahankan kedaulatan ekonomi negara.

TINDAKAN bersetuju untuk melaksanakan tindakan-tindakan seperti meningkatkan kefahaman rakyat tentang masalah itu, mengadakan "Kempen Jimat Cermat Krismas-Kongsi Raya" dan menyebarkan maklumat sebenar tentang isu krisis kewangan itu iaitu dari perspektif Malaysia di kalangan NGO dan masyarakat antarabangsa dan mendapatkan sokongan mereka terhadap pendirian

Malaysia dalam hal itu, kata Saifuddin lagi. -- BERNAMA  
NHD oba